

Semarak sambutan Raya di kampus

HAIRIANTO DIMAN
mdhairi@sph.com.sg

SAMBUTAN Hari Raya merupakan masa baik bagi anggota keluarga dan rakan-rakan datang bersama untuk berseorok dan menikmati juadah Raya.

Bagi universiti tempatan pula, perayaan itu menyediakan peluang bagi kelab kebudayaan Melayu menganjurkan acara perjumpaan Hari Raya untuk anggota kelab serta pelajar lain.

Umpamanya, Persatuan Bahasa Melayu Universiti Nasional Singapura (PBMUKS) telah menganjurkan acara perjumpaan Hari Raya baru-baru ini untuk anggota kelab mereka sebagai sebahagian acara kem orientasi untuk pelajar NUS-PBMUKS baru yang bakal memulakan pengajian mereka pada Ogos ini.

Melalui acara itu, anggota PBMUKS baru itu dapat berinteraksi dengan anggota senior lain dan mendapat nasihat bagi menyediakan diri untuk kehidupan di universiti.

Menurut naib presiden PBMUKS, Encik Amirul Ashraf, 24 tahun, acara perjumpaan Hari Raya itu telah diadakan seiring dengan kem orientasi PBMUKS.

“Acara perjumpaan Hari Raya ini diadakan pada malam terakhir kem orientasi di mana semua anggota kelab kami termasuk yang baru dan lama da-



PERJUMPAAN AIDILFITRI: Pelajar Institut Pengurusan Singapura mengadakan perjumpaan Hari Raya dengan tema Retro Raya. – Foto SIMCMS

tang bersama bagi meraikan sambutan Hari Raya.

“Ia juga menyediakan peluang bagi anggota senior kami mengenali anggota baru sambil menikmati hidangan Hari Raya,” kata pelajar jurusan kejuruteraan itu yang bakal memulakan pengajian tahun keempat pada Ogos ini.

Beliau turut menambah sebahagian program acara perjumpaan Hari Raya itu, mereka telah membuat pertunjukan sketsa Hari Raya.

“Selain itu, mereka juga telah

merakamkan video Raya semasa menjalani kegiatan ‘Amazing Race’ di Sentosa untuk kem orientasi mereka.

“Kami telah menyusun semua video itu dan menyiarkannya,” ujar Encik Amirul.

Selain itu, Persatuan Budaya Melayu dan Muslim Institut Pengurusan Singapura (SIMCMS) juga telah menganjurkan acara Pesta Raya untuk anggota kelab mereka dan mengundang anggota kelab Institut Pengurusan Singapura (SIM) lain bersama anggota kelab kebudayaan Melayu dari universiti tempatan yang lain.

Pengarah Projek, Cik Nurul Syazlinda Mohamad Yamin, 20 tahun, mengongsi bahawa tema Pesta Raya mereka tahun ini ialah Retro Raya yang menyingkap era 50-an dan 60-an.

“Tahun lalu, tema kami ialah Balik Kampung yang tertumpu pada era 70-an dan 80-an.

“Kami mahu fokus pada era 50-an serta 60-an dan memperkenalkan ikon Melayu seperti P.Ramlee serta Saloma,” kata pelajar jurusan Perniagaan dan Pengurusan itu yang bakal memulakan tahun kedua.

Antara program Retro Raya yang dijalankan termasuk segmen permainan ‘Try Teka’ di mana peserta ditunjuk satu adegan filem lama dan diperlukan untuk meneka tajuk filem tersebut, tambah Cik Nurul Syazlinda.

Persatuan Bahasa dan Budaya Melayu (Perbayu) Universiti Teknologi Nanyang (NTU) pula bakal mengadakan acara perjumpaan mereka pada 30 Ogos ini.

Menurut Presiden Perbayu, Encik Muhammad Shafarie Abdul Manan, 25 tahun, perincian tentang acara itu belum dimuktamadkan lagi.

“Setakat ini, tema acara kami ialah Restu Raya dan tema keseluruhan bagi acara Perjumpaan Hari Raya tahun ini fokus pada ‘Perhubungan’.

“Secara ringkas, jalan cerita bagi acara tahun ini berkaitan seorang jejaka yang telah berkahwin dengan seorang wanita yang tinggal di bandar dan merancang membawa isterinya itu pulang ke kampung bagi menyambut Hari Raya.

“Ada segmen tertentu ketika acara itu yang memerlukan penyelesaian daripada hadirin.

“Tujuannya adalah untuk membantu wanita itu menambat hati ibu mertuanya,” kongsi Encik Muhammad Shafarie yang sedang melalui pengajian menjadi guru bahasa Melayu di Institut Pendidikan Nasional (NIE).